

Seyarah Adat

Merentas Zaman

OLEH .

A. SAMAD IRIS. TAN SERI .

SEMINAR SEJARAH ADAT PERINGKAT NSDK

"SEJARAH ADAT DALAM PEMBANGUNAN"

TARIKH : 21 SEPTEMBER 1993

TEMPAT : ALLSON KLANA RESORT
SEREMBAN

TAJUK : "SEJARAH ADAT MENITI ZAMAN"

Oleh : U.Bhg. Dato' Seri Utama Tan Sri
Haji Abdul Samad bin Idris

Anjuran:

Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan

Manakala di atasnya pula merupakan pedang dan sarungnya, di tengah-tengahnya merupakan tombak yang dipanggil 'Canggai Puteri' dan kemudiannya 'Canggai Puteri' itu merupakan lambang peribadi Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan.

Sebelum itu Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan tidak ada mempunyai lambang atau bendera peribadinya sendiri. Ketika itu ia memakai bendera Negeri Sembilan sendiri.

Saya masih ingat selepas perang kira-kira tahun 1946, Tuanku Abdul Rahman telah menitahkan Dato' Bentara Dalam Idris supaya mencari seorang pelukis supaya melukis 'Canggai Puteri' itu menjadi lambang bendera peribadinya.

Dato' Bentara Dalam Idris telah meminta seorang guru di Seri Menanti bernama Abdullah bin Yunus melukiskan beberapa contoh dan akhirnya 'Canggai Puteri' yang terletak di atas lambang negeri itu diterimanya sebagai lambang dan bendera peribadi. Ia kekal sehingga sekarang.

LAHIRNYA NAMA NEGERI SEMBILAN

Sepanjang ingatan saya, belum ada lagi tokoh-tokoh sejarah yang membuat pengkajian khusus dari mana asal usul nama-nama negeri-negeri tertentu di Tanah Melayu ini khasnya dan Malaysia amnya, meskipun beberapa buah negeri seperti Melaka, Singapura, Pulau Pinang dan lain-lain telah diketahui asal usulnya. Begitu juga nama-nama tempat, bandar, daerah dan sebagainya masih banyak lagi belum diketahui dari mana asal namanya diambil. Apakah pada anggapan kita soal asal usul nama seperti ini tidak penting diketahui umum? Tentulah tidak, tetapi kenapa demikian adanya?

Di sini saya cuba membuat satu tinjauan dan penilaian mengenai nama 'Negeri Sembilan'. Bagaimanapun saya tidaklah mahu mengakui bahawa apa yang saya tuliskan ini sebagai betul ataupun menepati apa yang sebenarnya. Tetapi sebaliknya pula jika belum ada ahli-ahli sejarah yang boleh memberikan satu dalil atau kenyataan yang dapat dipertanggungjawabkan maka boleh saya andaikan apa yang saya tuliskan di sini dapat diterima, sekurang-kurangnya boleh dijadikan satu panduan untuk membuat penyelidikan yang lebih mendalam lagi oleh tokoh-tokoh sejarah akan datang.

Hari ini kita masih lagi teraba-raba untuk mengumpulkan kepingan-kepingan sejarah yang berselerak dan diselubungi oleh kesamaran sumber-sumber yang boleh dijadikan rujukan. Meskipun telah ada pegawai-pegawai British membuat penyelidikan dan kajian serta penulisan mengenai sejarah negara kita ini, tetapi ia belum dapat dibanggakan. Ada sebahagiannya memang menepati fakta sebenarnya, namun ada yang kedapatan masih diragukan kebenarannya.

Bagaimanapun kalaularah tidak ada buku-buku yang ditulis oleh pegawai-pegawai yang tersebut kita akan lebih teraba-raba lagi untuk mencari fakta-fakta penulisan sejarah bangsa ini. Kita seharusnya berterima kasih kepada mereka yang telah mengambil perhatian dan berhasil mengumpulkannya.

Kurang tepatnya fakta yang ditulis itu boleh dikatakan kesilapan bukannya kelalaian yang disengajakan. Lebih-lebih lagi dapat kita andaikan bahawa orang-orang yang bertanggungjawab melalaikan kesan-kesan sejarah negara kita adalah terdiri dari orang-orang tua kita yang telah dewasa sejak sebelum perang dulu lagi, iaitu pangkat nenek kepada kita sekarang.

Mereka ini boleh dikatakan sebahagian darinya terlibat dalam perang yang berlaku menentang British dulu iaitu sekitar penghujung abad ke-19. Ada juga di antara mereka yang melibatkan diri dalam pentadbiran serta menjadi orang-orang besar Di Luak-Luak di Negeri Sembilan.

Peristiwa penentangan terhadap British di Negeri Sembilan pula berlaku dalam TM 1874 apabila Yam Tuan Antah dialahkan oleh British dalam pertempuran di Bukit Putus iaitu kira 100 tahun saja berlalu. Kalau sebelum perang mungkin mereka masih dapat mengingat dengan baik, kerana belum lama terlalu tua waktu itu.

Seperti yang tercatat dalam sejarah Melayu bahawa sebelum Negeri Sembilan mempunyai raja yang pertama iaitu Raja Melewar pada tahun 1773, Negeri Sembilan adalah di bawah pemerintahan Johor, atau dapat dikatakan sebahagian daripada negeri Johor. Sebelum munculnya Johor memang Negeri Sembilan merupakan sebahagian dari daerah Kerajaan Melayu Melaka yang masyhur dan terkuat di rantau ini sekitar abad ke-15 dan 16.

Tetapi apakala Melaka dialahkan oleh Portugis dalam tahun 1511, maka pusat pemerintahan Kerajaan Negeri Melayu bertapak pula di Johor. Maka dengan sendirinya Negeri Sembilan yang mengandungi luak atau daerah tertentu terakluk di bawah pemerintahan beraja di Johor. Luak-luaknya pula ditadbirkan oleh Penghulu Luak serta dibantu oleh Datuk-Datuk Lembaga yang mengetuai suku atau waris dan buapak yang mengetuai anak-anak buah atau rakyat terbanyak.

Kekuasaan pemerintahan Johor ke atas Negeri Sembilan dapat dibuktikan dengan adanya cap mohor yang diberikan oleh Sultan Johor kepada penghulu-penghulu Luak di Negeri Sembilan. Cap mohor ini dikurniakan menandakan 'kuasa mutlak Sultan' kepada Penghulu-Penghulu Luak berkenaan. Dengan perhubungan yang sukar di waktu itu pastilah pemerintahan Sultan Johor ke atas wilayahnya agak longgar.

Masa berlalu musim beredar, maka suasana politik dalam satu-satu pemerintahan itu ikut juga bergolak. Negeri Johor atau Kerajaan Melayu Johor yang mengukuhkan kerajaannya dengan sokongan Belanda sejak mereka bersekutu mengalahkan Portugis di Melaka dalam tahun 1641 menerima ancaman pula dari orang-orang Bugis dan Aceh yang sering mengganggu wilayah-wilayahnya.

Dalam keadaan demikian Sultan Johor tidak berupaya mentadbirkan Negeri Sembilan secara lebih berkesan. Negeri Sembilan adalah salah satu dari wilayah Johor yang diganggu oleh orang-orang Bugis yang diketuai oleh Daing Kemboja bercita-bercita mahu merajai Negeri Sembilan. Malah ada diceritakan bagaimana anak gadis Penghulu Rembau (Undang Luak Rembau) dilarikan oleh orang-orang Bugis yang menyebabkan ketegangan hubungan Penghulu Rembau dengan orang-orang Bugis.

Apatah lagi disebabkan orang-orang Negeri Sembilan adalah keturunan dari Minangkabau, maka sudah tentulah mereka tidak rela menerima Daing Kemboja dari Bugis menjadi raja mereka. Ketegangan yang timbul antara orang-orang Minangkabau dan orang-orang Bugis ini tidaklah mencetuskan perperangan besar yang mengorbankan banyak jiwa. Ketegangan berkenaan tidaklah berlarutan hingga menjadi kacau-bilau di seluruh wilayah.

Disebabkan keadaan huru-hara berlaku di Negeri Sembilan waktu itu, maka bermuafakatlah Datuk-Datuk Penghulu Luak di Negeri Sembilan mengadap Sultan Johor untuk meminta izin bagi mendapatkan seorang putera raja dari Minangkabau atau Pagar Ruyung bagi dirajakan di Negeri Sembilan. Permintaan ini telah diperkenankan oleh Sultan Johor kerana baginda sendiri tidak berupaya menghadapi ancaman musuh yang bertubi-tubi ini.

Dengan restu dari Sultan Johor maka pembesar-pembesar Negeri Sembilan pun menjemput seorang putera raja di Minangkabau untuk dijadikan raja

memerintah wilayah-wilayah mereka. Dipendekkan ceritanya maka Raja Pagar Ruyung pun menghantar Raja Melewar atau nama sebenarnya Raja Mahmud untuk dirajakan. (Melewar atau dilewarkan dalam bahasa daerah Minangkabau bererti ‘digelarkan’, ‘diandumkan’ atau ‘dihebahkan’).

Raja Melewar telah mengadap Sultan Johor sebelum berangkat ke Negeri Sembilan untuk mendapatkan kuasa bagi mentadbirkan negeri yang baru baginya. Baginda ditabalkan oleh Datuk-datuk Penghulu Luak di Penajis Rembau dan membuat Istana di sebuah kampung yang berhampiran hingga sekarang dikenal dengan nama ‘Istana Raja’ sebelum Baginda berpindah ke Seri Menanti tempat bersemayam Raja-Raja Negeri Sembilan sekarang.

Setelah pertabalan ini dilakukan serta didaulatkan oleh Datuk-Datuk Penghulu Luak ini, maka di sinilah Raja Melewar bertitah lebih kurang antara lain demikian bunyinya:

“Orang-orang kaya beta sekalian, pada hari ini mustaedlah sudah istiadat menabalkan beta menjadi raja di negeri yang bertuah ini, beta sangat-sangat berbesar hati di atas persetujuan dan kebulatan orang-orang kaya sekalian menjemput beta dari Pagar Ruyung untuk merajai di negeri baru ini. Sekarang beta ingin bertanya dengan orang-orang kaya sekalian: Sebagaimana kebiasaannya sesuatu perkara yang dilahirkan mestilah diberi nama, apakah nama negeri baru yang beta dirajakan ini?”

Datuk Penghulu dan orang-orang besar yang hadir pandang memandang di antara satu dengan lain kerana pertanyaan Raja Melewar itu adalah amat tepat dan semestinya diberikan jawapan.

Sebelum Datuk-Datuk Penghulu ini memberikan jawapan Raja Melewar melanjutkan pertanyaan dengan bertitah.

“Beta ingin bertanya, berapa orangkah Datuk-Datuk Penghulu yang menabalkan beta pada hari ini?”

Datuk Kelana sebagai penghulu yang kanan berdatang sembah:

“Ampun Tuanku, Datuk-Datuk Penghulu yang menabalkan Tuanku hari ini adalah seramai sembilan orang yang datang dari sembilan Luak.”

Raja Melewar seterusnya bertitah lagi:

“Apakan Luak di sini sama tarafnya seperti Luak di Minangkabau? Luak di Minangkabau,” titah Raja Melewar, “merupakan satu kawasan yang agak luas di bawahnya mengandungi negeri-negeri.

Seorang Datuk Penghulu berdatang sembah, “Ampun Tuanku, di sinilah ada Luak yang besar dan banyak luak yang kecil-kecil seperti luak-luak Teraci, Inas, Gunung Pasir dan lain-lain.

Raja Melewar dikatakan seorang yang bijak dan cerdik kerana itulah ia dikirim oleh ayahandanya untuk merajai Negeri Sembilan.

Setelah Raja Melewar mendengar sembah dari Datuk-Datuk Penghulu yang hadir, satu fikiran terlintas di kepalanya lalu bertitah:

“Orang-orang kaya sekalian, pada fikiran beta berkait dengan nama baru negeri kita ini, apa kata kalau beta namakan ia ‘Negeri Sembilan’ sempena dengan percantuman sembilan Penghulu Luak atau negeri yang menabalkan beta pada hari ini”.

Cadangan yang dikemukakan oleh Raja Melewar ini diterima baik dan disokong sepenuhnya oleh Datuk-Datuk Penghulu Luak yang hadir. Maka dengan itu rasmilah nama negeri baru itu dengan nama ‘Negeri Sembilan’ yang telah kita warisi bersama sekarang ini, malangnya kita tidak dapat tarikh dan bulan yang tepat hari pertabalan Raja Melewar di Kampung Penajis ini, tetapi tahunnya tetaplah pada TM 1773 itu.

Sebelum saya berani mencatatkan dalam buku kecil ini, saya telah bertukar-tukar fikiran dengan beberapa orang tokoh-tokoh sejarah, orang-orang tua di Negeri Sembilan di samping beberapa orang Datuk-Datuk Lembaga.

Bagaimanapun kalau sekiranya belum ada mana-mana pihak yang dapat memberikan gambaran yang lebih tepat dan jelas berhubung dengan nama ‘Negeri Sembilan’ ini mengikut fakta sejarah dengan dalil dan bukti yang konkret maka saya berpegang teguh kepada hujah dan teori ini bahawa, nama ‘Negeri Sembilan’ itu pastilah diisytiharkan oleh Raja Melewar ketika baginda ditabalkan menjadi raja di Penajis, Rembau pada tahun 1773 itu.

SEJARAH DAN ADAT MERENTAS ZAMAN

Kedatangan perantau-perantau Minangkabau ke Negeri Sembilan di masa silam, selain daripada meneroka dan membuka kampung halaman mereka juga turut membawa adat lembaganya yang kita kenali sebagai 'Adat Pepatih'. Bagaimanapun, di Minangkabau adat tersebut tidak dinamakan Adat Pepatih, tetapi dikenali sebagai 'Adat Minangkabau' sahaja.

Adat Minangkabau ini dipelopori oleh Maharajo Dirajo bersama pembantu-pembantunya Suri Dirajo dan Cati Bilang Pnadai, yang kemudiannya berpecah kepada dua carak iaitu Dato' Ketumanggungan dan Dato' Pepatih Nan Sabatang. Mereka berdua pula adalah bersaudara sama seibu tetapi berlainan bapa, yang menyebabkan tradisi orang-orang Minangkabau mengutamakan keturunan di sebelah nisab ibu atau matrilineal.

Sebahagian besar orang-orang kita memang masih tidak mendalami sistem adat yang dilaksanakan ini, apatah lagi anak-anak muda sekarang yang lama merantau meninggalkan kampung halaman. Mereka lupa segala asal usul serta adat warisan setelah dipengaruhi budaya asing sekalipun 'yang kaca disangka permata'.

Perubahan yang berlaku dalam arus pembangunan demikian pesat sekarang telah banyak melanda sosio budaya adat itu sendiri. Malah ada kalangan yang terus melupakan langsung pemakaian adat yang dianggap sudah lapuk dan ketinggalan zaman. Di samping itu pemuka-pemuka adat sendiri ramai yang tidak mengetahui secara mendalam susur galur adat 'tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan' itu.

Tidak hairanlah pula apabila anak-anak buah dalam lingkungan adat juga tidak mendalaminya kerana 'ketam yang berjalan mengereng masakan dapat mengajar anaknya berjalan betul'. Sebenarnya tidaklah rugi sekiranya kita kembali mencari akar umbi kebudayaan kita melalui pemahaman struktur adat secara mendalam.

Pada waktu remaja, saya sendiri pun tidaklah meminati sangat susunan adat ini, malah menganggap Adat Pepatih sudah lapuk dan tidak perlu diamalkan lagi. Ini disebabkan kita memandang daripada satu sudut luaran yakni melihat kulitnya sahaja.

Setelah meningkat dewasa, saya membuat kajian yang agak mendalam sedikit dengan menimba hingga ke dalam lubuknya. Adalah nyata Adat Pepatih mempunyai kemurnian struktur pembinaan masyarakatnya. Amatlah rugi rasanya kalau kita tidak menghayati susunan kata-kata indah yang diamalkan ini, apatah lagi sekiranya hilang ditelah zaman menjadi debu yang berterbangan.

Di sini secara ringkas saya huraikan mengenai makna apa yang dikatakan 'Adat' itu.

ia mengandungi empat kategori, iaitu:

1. **Adat yang sebenar-benar adat**

2. **Adat yang teradat**

3. **Adat yang diadatkan**

4. **Adat istiadat**

Kebanyakan orang menganggap bahawa adat itu tergolong semuanya dalam kategori yang keempat iaitu 'adat istiadat'. Disebabkan salah tafsir inilah mereka mencemuh dengan menganggap adat berkenaan sudah lapuk dan tidak perlu lagi diamalkan. Apabila minyak disamakan dengan air tentulah seseorang itu tidak tahu membezakan 'yang mana berkejar dan yang mana berlari?'

Perbilangan adat 'tak lekang dek panas tak lapuk dek hujan, biar mati anak jangan mati adat, dianjak layu dicabut mati' telah dianggap sebagai menggambarkan sesuatu yang negatif. Memang benar negatif sifatnya jika seseorang itu mentafsirkan mengikut kategori keempat adat tersebut. Memang telah menjadi lumrah alam, setiap yang baharu itu mengalami perubahan menurut peredaran masa dan putaran alam.

Begitu jugalah dalam soal adat ini ia telah jelas diungkapkan dalam pepatahnya:

Usang-usang diperbaharui

Yang lapuk dibuang

Yang koyak ditampal

Yang pendek disambung

Yang panjang dikerat

Sekali air bah

Sekali pasir berubah

Sekali raja mangkat

Sekali adat beralih

Ibu adat muafakat.

Adat pepatih ini telah dipakai di Minangkabau semenjak sebelum kedatangan Islam lagi. Apabila orang-orang Minangkabau memeluk agama Islam, mereka sesuaikan pula setiap peraturan adat mengikut ajaran Islam. Oleh itu tidak kelihatan sebarang percanggahan pun dengan Islam, malah kedudukan adat semakin utuh dan kuat.

Perkara ini diakui sendiri oleh dato'-dato' lembaga dan pemuka-pemuka adat yang saya temui di Minangkabau. Bagi memperkuatkan adat di sisi agama maka telah diungkapkan dalam pepatahnya:

Adat bersendi hukum

Hukum bersendi kitabullah

Syarak mengata, adat memakai.

Di sini jelas membuktikan sebarang pelaksanaan adat yang bertentangan dengan ajaran Islam maka dengan sendirinya adat tersebut digugurkan.

Di sini biar saya jelaskan dulu akan kategori yang pertama, iaitu: 'adat yang sebenar adat' itu. Menurut analisis yang dapat saya berikan bahawa istilah dan perkataan adat itu dapat disamakan dengan perubahan dalam konteks permodenan sekarang ini iaitu 'undang-undang'.

Kalau di masa lampau pucuk pentadbiran adat terhimpun 'di Istana nan tinggi, di Balai nan panjang' di balairong seri yang diterajui sendiri oleh raja dengan dibantu oleh dato'-dato' atau pembesarnya bagi mengatur pemerintahan negeri, maka sekarang dapatlah diandaikan sebagai 'Dewan Undangan Negeri' di negeri-negeri dan 'di Parlimen' bagi kerajaan pusat.

Setiap undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri setelah digazetkan maka dengan sendirinya berjalan kuatkuasanya sebagai undang-undang. Sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang maka mereka akan dihukum menurut kategori dan kesalahan masing-masing.

Peraturan yang dilaksanakan ini adalah sesuai dengan pepatah 'biar mati anak jangan mati adat', 'dianjak layu dicabut mati'. Maknanya sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan sekalipun anak sendiri, mestilah dijatuhkan hukuman setimpal dengan kesalahannya. Bukalah bermakna seseorang itu mesti membunuh anak, kerana mengikut adat resam yang tidak bersandar kepada peraturan hidup.

Perkataan 'biar mati anak' itu melambangkan keadilan yang mesti dilaksanakan sepenuhnya mengikut peraturan adat supaya tidak berlaku 'limau masam sebelah', 'perahu karam sekerat' atau 'puar condong ke perut'. Di sini saya tidaklah berhajat untuk memperkatakan dua kategori yang lain iaitu 'adat yang teradat' dan 'adat yang diadatkan' kerana mungkin mengambil masa yang agak panjang. Bagaimanapun, kesimpulan dari ungkapan ini ialah adat resam yang telah biasa diamalkan, ia merupakan 'undang-undang' juga tetapi tidak sampai kekuatannya kepada tahap kategori pertama. Misalnya: pantang orang semenda, sudah diberi diambil balik. Begitu juga pantang tempat semenda: 'sebatang enau dua siguinya, pelesit dua sekampung'.

Yang menjadi adat resam atau yang teradat dan diadatkan tidak demikian halnya, kalau sudah diberi cukup dengan aturan dan syarat-syaratnya maka adalah melanggar pantang diambil balik. Pepatah ini menggambarkan seseorang yang sudah berkahwin dengan perempuan waris atau suku kita, ia tidaklah boleh disuruh bercerai dengan tidak bersebab.

Begitu juga pantang tempat semenda. Seseorang lelaki yang telah berkahwin dengan perempuan waris atau suku kita, mereka mahu mengahwinkan seorang lagi perempuan dalam suku waris yang sama, atau melakukan permukahan, maka ia telah melakukan satu kesalahan yang melanggar adat resam atau adat yang telah diadatkan selari dengan pepatah-pepatah 'pelesit dua sekampung, sebatang enau dua sigui'nya itu.

SISTEM DEMOKRASI

Dalam hubungan ini biarlah saya jelaskan bahawa kita di Negeri Sembilan khususnya orang-orang Melayu patut berbangga kerana dalam adat pepatih itu sudah terjelma satu bentuk sistem demokrasi yang terawal di dunia. Sekalipun Pluto dan Aristotle ahli falsafah Greek pernah berteori mengenai demokrasi atau disebut 'demoskratos' yang bererti 'kuasa rakyat', tetapi hanya diperaktikkan oleh dunia barat sesudah revolusi Perancis (French Revolution) dalam tahun 1878.

Sebaliknya orang-orang Melayu Minangkabau telah mempraktikkan demokrasi sejak lebih 600 tahun yang lampau. Sekalipun bentuk demokrasi yang diamalkan ini tidak sama bentuknya dengan demokrasi yang diamalkan sekarang, tetapi sistem tersebut merupakan sistem demokrasi yang sesuai dalam mentadbirkan sesebuah masyarakat atau negara menurut suara dan kehendak rakyat terbanyak.

Keadilan sosial dalam agihan kuasa di kalangan pendukung adat pepatih ini terjelma

dalam ungkapan pepatah yang boleh kita hayati bersama, iaitu:

Bulat anak buah menjadikan Buapak

Bulat Buapak menjadikan Lembaga

Bulat Lembaga menjadikan Penghulu (sekarang Undang)

Bulat Penghulu menjadikan Raja.

Struktur dalam sistem demokrasi ini jelas membuktikan wujudnya apa yang dipanggil 'tier system' atau sistiem bertingkat. Malah 'sistem bertingkat' ini pernah diamalkan di Sarawak sebelum memasuki Malaysia dahulu.

Sistem inilah yang disebut 'berjenjang naik' iaitu dari rakyat kepada Buapak yang dipilihnya seterusnya Lembaga, penghulu dan Raja. Kemudiannya disusuli dengan 'bertangga turun'.erti setiap perintah raja akan turun kepada Penghulu, kemudiannya dari Penghulu disampaikan pula kepada Lembaga, untuk dilanjutkan dari Lembaga ke Buapak dan Buapak kepada anak buah (rakyat).

Disebabkan akar umbi masyarakat adalah terletak di kalangan anak buah yang menjadi tanggungjawab Buapak mentadbirkan, maka ungkapan dalam struktur masyarakat itu disebutkan:

Anak buah berbuapak

Suku berlembaga

Luak berpenghulu

Alam beraja.

Sebab itulah dikaktakan bahawa setiap perintah itu datangnya 'dari istana yang tinggi' dan 'balai yang panjang'. Kuasa Dato' Lembaga adalah dihadkan tidak boleh memerintah langsung anak buah (orang ramai) kerana hak dan kuasanya diletakkan kepada suku atau pesaka termasuk harta-harta, tanah dan menyandang pesaka.

Manakala Penghulu pula mempunyai kuasa memerintah luak (daerah) dan raja memerintah alam (atau negeri). Demikianlah susunan peraturan yang telah dicipta oleh orang tua-tua kita dahulu. Pada waktu itu mereka belum tahu lagi menulis dan membaca, apatah lagi bersekolah tinggi. Malah sekolah rendah juga belum wujud bagi mendapatkan pendidikan formal.

Dalam suasana demikianlah mereka dapat mengatur pentadbiran yang dianggap cukup mantap dan tersusun. Pepatah petitih adalah menjadi peraturan dan panduan dalam semua bidang pentadbiran yang diungkapkan oleh orang tua-tua dan diwariskan mengikut pemahaman:

Penakik pisau seraut

Ambil galah batang lintabung

Seludang buatkan nyiru

Setitik jadikan laut

Sekepal jadikan gunung

Alam terkembang jadikan guru.

Sayangnya sekarang ini masyarakat kita semakin jauh meminggirkan diri daripada pepatah petitih warisan bangsa. Malah sebahagian besarnya tidak memahami bahawa adat itu adalah peraturan hidup atau undang-undang dalam semua segi dan bentuk bagi menjalankan pemerintahan di masa lampau.

Sebagai contoh yang mudah cuba kita ambil satu dari beribu-ribu pepatah yang menjadi pegangan dan peraturan hidup masyarakat kampung dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kita tahu kebanyakan orang-orang kampung adalah terdiri dari petani dan pesawah yang bercucuk tanah di samping memelihara binatang ternakan.

KEADILAN SOSIAL

Tentunya kita juga maklum bahawa binatang ternakan seperti kambing, kerbau, lembu dan ayam itik adlaah jenis ternakan jinak yang dipelihara oleh masyarakat kampung. Manakala seladang, rusa, kijang, pelanduk dan sebagainya pula merupakan binatang liar yang hidup di hutan.

Tidak dapat dinafikan dalam hidup bermasyarakat di kampung ini seringkali berlaku binatang ternakan akan memakan tanaman jiran sama ada padi ataupun tanaman kontan yang lain. Akibatnya akan berlaku pergaduhan atau pertelingkahan di antara penternak dan pemilik tanaman apabila binatang ternakan memusnahkan atau memakan tanaman.

Apabila berlaku pergaduhan maka tempat anak buah yang terbabit mengadu adalah kepada Buapaknya. Buapak sebagai ketua dalam kalangan anak buahnya akan menghakimi dan menghukum mengikut keadilan sosial yang ditetapkan oleh peraturan adat dengan berpandukan kepada pepatah:

Kalau kerbau tidak bertambat - seladang

Jika padi tidak berpagar - lalang.

Dengan memahami kandungan pepatah itulah Buapak menjadikan panduan dalam membuat sebarang keputusan bagi menyelesaikan pertelingkahan. Cubalah nilai pepatah tersebut dan bagaimana mereka dapat menciptanya berpandukan alam terkembang jadikan guru itu.

Bagi Buapak yang tidak terpengaruh dengan sentimen 'puar condong ke perut' maka mereka dapat memberikan keputusan atau kesimpuluan yang tidak merugikan mana-mana pihak dengan adil dan saksama.

Sekiranya Buapak tidak dapat menyelesaikan persengketaan tersebut maka anak buahnya boleh merayu kepada Lembaga dan seterunya Penghulu dan Raja. Dalam perbilangannya ada menyebutkan :

Anak buah beraja ke mamak

Mamak beraja ke Penghulu

Penghulu beraja ke muafakat

Muafakat diatas alur nan patut

Alur nan patut beraja ke benar

Benar berdiri sendirinya

Jika semua yang terkandung di atas kedapatan juga ketidak puashatian maka ia dirujukkan pula kepada keadilan (Raja) yang disebut dalam ungkapannya:

Pedang pemancung kepada keadilan

bererti ia adalah keputusan muktamad.

Di sini cubalah bayangkan dalam pemikiran kita bagaimana kecerdasan minda orang tua-tua kita dulu dalam mempraktik dan melaksanakan sesuatu undang-8jdang berdasarkan keadilan, 'alur nan patut beraja ke benar, benar berdiri sendirinya'.

Satu lagi pepatah yang selalu disebut-sebut sebagai ungkapan yang negatif oleh sesetengah pihak, malah ada di antaranya menganggap sudah lapuk dan tidak boleh dipakai lagi yang dikatakan bertentangan dengan masa dan arus zaman iaitu 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang'.

Sebenarnya ia timbul adalah dari salah faham dan terbit daripada sikap mereka yang tidak mendalami akan maksud dan tujuan yang terkandung di sebalik erti pepatah tersebut. Saya sendiri juga beranggapan demikian di masa lalu disebabkan tidak mendapat gambaran yang jelas dan mendalam.

Sepintas lalu memang benar bahawa pepatah tersebut berunsur negatif, tetapi apakah rahsia sebenar di sebalik pengertian yang dianggap pessimis itu? Kita sebagai insan yang hidup di dunia ini harus menyedari bahawa ada tiga perkara yang tidak boleh diramalkan oleh sesiapa pun. Semuanya adalah dalam tangan Allah SWT, iaitu:

- Rezeki
- Jodoh pertemuan
- Ajal dan maut

Seiapakah yang dapat menentukannya sebanyak mana rezeki kita di dunia ini? Atau di manakah jodoh pertemuan kita, dan bilakah kita akan mati? Sesuatu yang tidak boleh siapapun menduga, meneka dan mengetahuinya lebih dahulu. Sekiranya ada

seseorang insan yang mengatakan tahu dalam tiga perkara ini, sudah tentulah hanya ramalan yang tidak menepati fakta sebenar atau dikatakan agak-agak saja, kalau berlaku pun hanya secara kebetulan sahaja.

Di samping itu terdapat juga pepatah yang mempunyai maksud yang sesuai dijadikan perbandingan iaitu 'jangan diharap bulan jatuh ke riba' dan 'yang pipih datang melayang, yang bulat datang menggolek'. Pepatah ini menggambarkan corak atau pandangan bagi seseorang insan yang hidup di mayapada ini dalam mengharapkan sesuatu dengan mudah dan tidak perlu kerja kuat dan bersungguh-sungguh.

Tentulah tidak munasabah 'bulan jatuh ke riba', selangkah untuk mencapai dengan tangan pun 'jauh panggang dari api'. Demikian juga tidak mungkin 'yang pipih datang melayang, yang bulat datang menggolek'. Pepatah ini adalah merupakan kiasan yang mendalam maksudnya bagi sesiapa yang mahu berfikir, kerana berfikir itu adalah pelita hati.

Oleh itu kita dianjurkan supaya berusaha keras menggunakan tenaga tulang empat kerat di samping akal fikiran, ikhtiar dan semangat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT bagi mencapai kemajuan diri sendiri seperti ditegaskan dalam pepatah 'kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya'.

Amat jelas bahawa rezeki seseorang insan ini diperolehi adalah terletak pada diri

sendiri. Mereka wajib berusaha bersungguh-sungguh dengan menggunakan segala kebolehan tenaga, akal fikiran dan ikhtiar bagi mendapatkan rezeki sebanyak mungkin. Setelah itu, sebanyak mana rezeki yang kita perolehi nanti maka di sinilah baru lahir pepatah 'rezeki secupak tidak akan menjadi segantang' itu.

Sebaliknya kalau kita hanya berpeluk tubuh dengan memangku kepala lutut setiap hari sambil mengharapkan bulan jatuh ke riba dengan berkhayal dan memasang angan-angan atau sekadar berdoa sudah pasti bulan tidak akan jatuh ke riba, mungkin bala menimpa kepala.

Tentulah tidak logik apabila menyangka 'rezeki secupak tidak akan menjadi segantang' maka kita tidak mahu berikhtiar bersungguh-sungguh. Kalau kita amalkan sikap demikian, janganlah secupak mungkin sejemput pun kita tidak akan merasa. Malah sikap itu juga bertentangan dengan kehendak fitrah alam semula jadi, di samping menafikan kurniahan dari Allah SWT disebabkan tidak menggunakan mental dan fizikal dengan sepenuhnya. Allah SWT tidak akan menggugurkan wang atau emas berbungkal dari langit sekadar menampung doa berjela-jela sekalipun.

Saya rasa sekadar inilah dahulu yang dapat disampaikan dalam majlis ini kerana 'jika direntang seluas alam, jika dilipat sebesar kuku'. Terlalu banyak pepatah petitih yang diamalkan sejak turun temurun dari nenek moyang kita mempunyai iktibar dan mengandungi falsafah yang amat mendalam maksud dan maknanya.

Malah saya amat kagum dengan kemampuan nenek moyang kita yang cerdas otaknya hingga dapat mencipta segala nilai keperibadian bangsa kita 'tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan' sekalipun mereka tidak dilengkапkan dengan pendidikan formal di sekolah tempat belajar, apatah lagi sekolah tinggi atau universiti seperti yang kita nikmati sekarang.

Mereka mampu mencipta satu susunan pentadbiran bagi mengatur hidup bermasyarakat di kalangan manusia di zaman itu. Keindahan susunan pepatah petitih mereka yang cantik mempesonakan ini bagi saya tidak ada satupun kecacatan yang boleh kita persalahkan, sebelum kita persoalkan:

Sudah berkeris samparono

Bingkisan raja Majapahit

Tuah bersebab berkerano

Pandai bertenggang di tempat sempit.

Tajam sudah, calak pun ado

Tinggal dibawa menyimpaikan

Adat sudah, syarakpun ado

Tinggal dek awak memakaikan.

BENDERA NEGERI

Boleh dikatakan banyak ahli-ahli sejarah dan peminat-pemintanya tidak atau belum mengetahui akan asal-usul bendera bagi sesebuah negeri, seumpama bila ia diumumkan, bagaimana warna setiap bendera itu diilham-cipta serta makna tiap-tiap warnanya kerana itu sudah dianggap hal-hal yang biasa dan tidak perlu diketahui lebih dari itu kecuali bagi mereka yang berminat menyelidik.

Mungkin ramai di antara kita yang mengetahui akan erti dan makna bendera Malaysia kerana ia baru saja dicipta iaitu ketika Persekuan Tanah Melayu diisytiharkan pada 1hb Februari, 1948, tetapi negeri-negeri lain banyak yang dicipta beratus-ratus tahun dahulu.

Maka begitulah pula halnya dengan bendera Negeri Sembilan yang berwajah tiga warna, iaitu kuning, merah dan hitam. Bila ia diciptakan dan siapa yang menciptanya, erti dan makna tiap-tiap satu warna dan dari mana asal-usul warna-warna tersebut, apakah ia lahir dari ilham setempat atau diambil dari negeri lain?

Bendera Negeri Sembilan yang sekarang ini bertanah kuning, dan empat persegi di atas sudut sebelah hadapan berwarna merah melintang serong dari penjuru atas hingga ke bawah dan di bawahnya warna hitam. Warna-warna ini memberi erti: kuning, kedaulatan raja. Merah yang melintang serong di sudut atas itu bererti kerajaan Inggeris yang menaungi dan warna hitam hak kebesaran Penghulu (Undang) dan anak-anak buahnya.

Tidak pula diketahui bila bendera ini dicipta, tetapi yang agak jelas boleh kita andaikan warna bendera ini telah dicipta setelah Inggeris campur tangan dalam pemerintahan Negeri Sembilan, di akhir kurun ke sembilan belas.

Berbalik kepada tiga warna bagi bendera Negeri Sembilan itu pada awalnya saya juga tidak mengambil kisah, tetapi setelah saya mula menulis dan menyelidiki hal-hal yang berkaitan dengan sejarah dan setelah saya berulang alik ke Minangkabau sejak awal tahun 1968, pada suatu ketika ada satu perayaan di daerah Minang, saya lihat banyak bendera yang berkibar yang berwarna kuning, merah dan hitam bersebelahan dengan bendera Nasional Indonesia merah putih. Di situ menjadi satu tandatanya bagi saya sendiri apakah warna bendera tiga warna ini ada hubungan kaitnya dengan bendera Negeri Sembilan? Lintasan fikiran saya waktu itu hanya sepintas lalu dan hilang begitu saja.

Pada ketika yang lain saya telah bertanya kepada beberapa orang Datuk-Datuk dan orang-orang tua di Minangkabau. Mereka juga mengatakan warna itu memanglah warna bendera adat Minangkabau sejak beratus-ratus tahun yang lalu.

Di Negeri Sembilan juga saya telah merisik dan bertanya dengan orang tua-tua mengenai dengan bendera ini dan tidak ada siapapun yang tahu dan dapat memberikan penjelasan mengenainya.

Bila saya berusaha untuk menulis buku ini saya berkesempatan berhubung dengan Datuk Lubuk, seorang pegawai dari kantur Governor Sumatera Barat. Beliau menjelaskan mengenainya seperti yang ditulis di bawah ini. Begitu pun timbul pula persoalan lain, iaitu siapa dan bilakah pula warna bendera ini dibawa ke Negeri Sembilan?

Pertanyaan ini tidak begitu sukar untuk dicari jawapannya kerana di antara rakyat Negeri Sembilan dengan Minangkabau mempunyai pertalian kekeluargaan sejak beratus-ratus tahun yang lalu. Cuma yang menjadi persoalan bila dan siapa yang membawanya ke mari.

Seperti yang saya nyatakan di atas, bentuk bendera seperti yang kedatapan sekarang ini dengan makna dan maksudnya agak jelas digambarkan bahawa, bendera itu telah dicipta setelah Inggeris mencampuri pemerintahan Negeri

Sembilan dan sebelumnya tentulah juga bendera ini telah dikibarkan tetapi bentuk dan letak warnanya tidak sama seperti yang kita lihat sekarang ini.

Untuk pengetahuan pembaca sekalian di bawah ini saya turunkan sepenuhnya mengenai dengan bendera Negeri Sembilan seperti yang tercatat dalam buku 'TAKHTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN' yang diterbitkan pada tahun 1968.

Bendera Negeri Sembilan

Tidak ada tercatat di mana-mana juga buku-buku yang ditulis mengenai sejarah Negeri Sembilan atau dalam fail-fail simpanan Jabatan Kerajaan yang berhubungkait dengan bendera Negeri Sembilan. Apa yang dapat dikesan hanyalah kemungkinan saja.

Dalam fail di Pejabat Setiausaha Kerajaan di Seremban, bilangan 490/53 didapati hanya kemungkinan bendera Negeri Sembilan itu telah direka dan dicipta serta dipakai penggunaannya pada tahun 1895. Kemungkinan ini adalah berdasarkan penyatuan semula Negeri Sembilan dan campur tangan Kerajaan British secara langsung dalam pentadbiran Negeri.

Pada tahun 1895 ini, satu perjanjian telah dibuat di antara Datuk-Datuk Undang Yang Empat di satu pihak dengan Yamtuan Muhammad di satu pihak lain. Datuk-Datuk Undang Yang Empat pada tahun ini telah mengakui semula bahawa Yamtuan Muhammad kembali diiktiraf menjadi Yang Dipertuan Negeri Sembilan dan pada ketika itu juga Yang Dipertuan Muhammad serta Datuk-Datuk Undang Yang Empat bersetuju menerima seorang Inggeris menjadi Residen Negeri Sembilan sebagai Penasihat.

Adalah diagakkan pada tahun inilah bendera Negeri Sembilan itu mula diadakan kerana dari warna-warna yang tersebut dalam bendera itu adalah melambangkan kedaulatan satu-satu pihak.

"Warna merah memberi erti Kerajaan Inggeris menaungi Negeri Sembilan, kerana itu warna merah ini diletakkan di sudut sebelah atas.

Warna Hitam memberi erti Kebesaran Datuk-Datuk Undang yang mempunyai negeri.

Warna Kuning melambangkan Raja”.

Setelah Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu diisyiharkan pada 31 Ogos, 1957, maka timbulah soal warna merah dalam bendera Negeri Sembilan itu. Oleh kerana warna merah itu melambangkan kekuasaan dan kedaulatan Inggeris, maka tidaklah wajar lagi warna itu diertikan kekuasaan Inggeris lagi setelah negara mencapai kemerdekaan.

Secara kebetulan saja, sebagai penyusun buku ini, saya telah mengemukakan satu cadangan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan sebagai seorang anggotanya supaya makna atau pengertian warna merah itu ditukar kepada maksud dan makna yang lain.

Timbul juga perbincangan dalam mesyuarat itu, adakah baik warna merah itu dihapuskan terus dari warna bendera Negeri Sembilan? Oleh kerana bendera yang mempunyai tiga warna itu telah dikenal umum semenjak berpuluh-puluh tahun adalah tidak begitu baik jika warna merah itu terus dihapuskan. Kerana itu, maka warna merah itu pun dipersetujui supaya maknanya ditukar kepada makna atau pengertian yang lain.

“Saya terus mengusulkan supaya warna merah itu ditukarkan maknanya kepada ‘rakyat’, kerana rakyat telah diberi hak menurut perlembagaan secara langsung mentadbirkan negeri melalui pilihanraya”.

Usul ini telah diterima baik oleh Duli Yang Maha Mulia dan Datuk Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin dalam satu mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang pada 29hb Disember, 1960.